

B512

MAHATHIR - PEMBANGKANG

1982
KUCHING, 14 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYATAKAN KESALNYA TERHADAP KELAHIRAN SEBUAH PARTI PEMBANGKANG DI SABAH DAN SARAWAK YANG CUBA MENARIK SOKONGAN RAKYAT

TERUTAMA KETURUNAN CINA BERASASKAN PERKAUMAN +YANG PEKAT+.
- PERDANA MENTERI BERKATA PARTI ITU MENUNJUKAN PERANAN CHAUVINISMA NYA DENGAN MEMBANGKITKAN MASALAH YANG CUMA MEMENTINGKAN SATU KAUM SAHAJA DENGAN MENGENEPIKAN KEPENTINGAN KAUM LAIN BAGI MENJAMIN KEMENANGAN DALAM PILIHANRAYA PADA 22 APRIL INI.

+DULU SABAH DAN SARAWAK BEBAS DARI PERASAAN KEPENTINGAN KAUM YANG DIBAWA OLEH PARTI YANG BERASAL DARI SEMANJUNG MALAYSIA ITU TETAPI KINI IA MEREBAK DI KEDUA NEGERI BERKENAAN PULA,+ TAMBAH BELIAU; SEMASA BERUCAP DI MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN ORANGRAMAI DI DEWAN PEMBANGUNAN TUN ABDUL RAZAK MALAM TADI.

BELIAU DUKACITA KERANA PARTI BERKENAAN INGIN MENARIK SOKONGAN PENDUDUK KETURUNAN CINA DENGAN BERCAKAP SEMATA-MATA UNTUK MENJAMIN KEPENTINGAN CINA SEOLAH-OLAH KAUM LIAN TIDAK WUJUD.

+SLOGAN DAN TULISAN YANG TERDAPAT DALAM POSTER KEMPEN MEREKA JUGA TIDAK MENGANDUNGI BAHASA LAIN KECUALI BAHASA CINA UNTUK MENARIK MINAT SATU KAUM SAHAJA.

PERDANA MENTERI YANG TELAH MELAWAT SEMALAMAN KE NEGERI INI MENAMBAH PARTI BERKENAAN JUGA MENGANCAM RAKYAT KETURUNAN CINA YANG SANGGUP BEKERJASAMA DENGAN KAUM LAIN. -- BERSAMBUNG 1012/MK

B513

MAHATHIR - PEMBANGKANG 2 KUCHING

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SATU PERKARA YANG MENJADI ISSU UNTUK MEMBAKAR HATI PENDUDUK CINA DI SARAWAK OLEH PARTI BERKENAAN IALAH SISTEM 3M.

KENYATAAN ITU DITUJUKAN KEPADA DAP YANG MEMAPARKAN SEPANDUK DAN POSTER YANG MENONJOLKAN ISSU 3M DI BERAPA TEMPAT DI BANDAR KUCHING.

PERDANA MENTERI BERKATA PARTI ITU MENUDUH PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL YANG BERASASKAN CINA SEPERTI SUPP DAN SNAPP TIDAK MENGEMUKAKAN MASALAH 3M.

TEGASNYA, TUDUHAN ITU TIDAK BERASAS SAMA SEKALI KERANA PARTI-PARTI KOMPONEN BERKENAAN TURUT MEMBANGKITKAN MASALAH 3M DALAM KABINET DAN LAIN-LAIN FORUM DAN HASIL SECARA RUNDINGAN ITU KERAJAAN DAPAT MEMPERBAIKI SEBARANG KELEMAHAN YANG TERDAPAT DALAM PERLAKSANAAN SISTEM TERSEBUT.

BELIAU MENSIFATKAN DAP SEBAGAI ANJING MENYALAK BUKIT DAN TIDAK MEMBERI KESAN APA-APA MEMANDANGKAN GOLONGAN MEREKA KECIL SEKALI. -- BERSAMBUNG 1019/MK

B514

MAHATHIR - PEMBANGKANG 3 KUCHING

+DAPATKAH DAP DENGAN HANYA MENURUNKAN EMPAT CALON DARIPADA 24 KERUSI YANG DIPERTANDINGKAN DI SARAWAK BERBUAT APA-APA YANG BOLEH MENDATANGKAN KESAN YANG BAIK KEPADA RAKYAT,+ TANYA BELIAU.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PENGROSI BARISAN NASIONAL, PERCAYA HANYA DENGAN MENYERTAI BARISAN NASIONAL SAHAJALAH WAKIL RAKYAT DAPAT MEMPERJUANGKAN ISSU MENGENAI KAUM ATAU NEGERI MASING-MASING.

BARISAN NASIONAL SENTIASA MENGAMALKAN SIKAP BERUNDING DI ANTARA SATU PARTI KOMPONEN DENGAN YANG LAIN TETAPI MALANGNYA ADA KUMPULAN TERTENTU YANG TERTARIK KEPADA KONFRONTASI. -- BERSAMBUNG 1020/MK

MAHATHIR - PEMBANGKANG 4 KUCHING

+KAMI DALAM BARISAN NASIONAL SERING MENGAMALKAN DASAR BERUNDING BAGI MENCAPAI SATU KEJAYAAN KERANA KAMI PERCAYA TIDAK ADA GUNANYA TERPEKIK TERLOLONG DARI LUAR ATAU DI TEPI JALAN MEMPERJUANGKAN SESUATU DASAR SEPERTI YANG DILAKUKAN OLEH DAP.+

BELIAU MENGULANGI AZAM KERAJAAN UNTUK MEMBINA RAKYAT BERSATU PADU DENGAN MENERUSKAN SISTEM RUNDINGAN YANG DIAMALKAN SEKARANG.

PERDANA MENTERI MENEKANKAN HANYA PROSES DEMIKIAN SAHAJA AKAN MENJAMIN NEGARA MENJADI MAJU, KUKUH SERTA DIHORMATI OLEH DUNIA. --
BERNAMA 1024/MK